

# Masaalah Wanita (Darah Haid)

**Darah Haid:** ialah darah semula jadi (tabi'ie) yang keluar dari kemaluan seseorang wanita sebagai tanda sihat.

# Bila Waktunya?

Darah haid berkemungkinan berlaku kepada gadis ketika mencapai umur 9 tahun. Biasanya dalam lingkungan belasan dan tidak ada batasan umurnya. Pada kebiasaan, haid akan berhenti ketika wanita itu berumur 45 atau 50 tahun keatas.

*Darah ini keluar sekurang-kurangnya sehari semalam, biasanya 6 atau 7 hari dan tidak lebih dari 15 hari. Sekiranya lebih dari kebiasaan, dikira darah Istihadhah*

# Masaalah Wanita (Darah Istihadhah)

**Darah Istihadhah:** ialah darah penyakit yang mungkin berlaku terus menerus.

Wanita yang berhal keadaan demikian, boleh mandi dan mengerjakan solat seperti biasa.

# Masaalah Wanita (Darah Nifas)

**Darah Nifas:** ialah darah yang keluar dari kemaluan wanita setelah melahirkan anak.

**Waktunya:** Minimum masa nifas sejenak (**lahzah**), biasanya 40 hari dan selebihnya 60 hari.

# Perkara-Perkara Yang Diharamkan Keatas Wanita Yang Berhaid Dan Bernifas

1. Solat.
2. Tawaf dikeliling Ka'bah.
3. Membaca Al-Quran dengan niat membaca.
4. Mengangkat Al-Quran
5. Duduk di dalam masjid
6. Berpuasa

# **Kesimpulan Masalah Wanita Yang Tidak Dapat Mengerjakan Tawaf Ifadhah**

- 1 Wanita-wanita yang berhaid, darah haidnya berhenti dengan menggunakan ubat ataupun tidak, dikira tuhur (bersih), ia dibolehkan mandi junub dan bertawaf, walaupun selepas itu keluar semula.

# **Kesimpulan Masalah Wanita Yang Tidak Dapat Mengerjakan Tawaf Ifadhah**

2. Wanita-wanita yang tidak berhenti haidnya, sah bertawaf pada pendapat Mazhab Hanafi dan pendapat seorang dari Ulama Hanbali tetapi dikenakan dam (denda) seekor unta.

# Kesimpulan Masalah Wanita Yang Tidak Dapat Mengerjakan Tawaf Ifadhah

3. Barangsiapa yang bertawaf qudum (selamat datang), bersa'ie dan terus pulang ke tanah airnya tanpa Tawaf Ifadhah, lantaran kejahilannya atau lupa. Maka perbuatannya itu

# Kesimpulan Masalah Wanita Yang Tidak Dapat Mengerjakan Tawaf Ifadhah

4. Al-Buqini berpendapat, wanita-wanita yang tidak berkemungkinan menetap lebih lama lagi di Makkah hingga tuhur (bersih), dan tidak cukup perbelanjaan; dihukum dengan hukuman orang-orang yang terkepung (ihsar). Maka dia dibolehkan bertahallul sebagai orang ihsar

# Kesimpulan Masalah Wanita Yang Tidak Dapat Mengerjakan Tawaf Ifadhah

5. Wanita-wanita yang berterusan haidnya hingga hendak menaiki kenderaan untuk pulang ke tanah airnya, maka dihukumkan darurat. Seperti orang yang menghidap penyakit kencing berterusan (silsilatul-baul), maka pada masa itu ia dibolehkan bertawaf Ifadhah, tanpa membayar fidyah kerana keuzurannya

# Perhatian Kepada Kaum Wanita Yang Uzur

Kaum wanita yang uzur (haid atau nifas) berhram dan berniat seperti para jemaah yang lain. Apabila sampai di Kota Makkah masih lagi uzur, maka ia tetap didalam keadaan berhram hingga bersih dari haidnya. Maka barulah dia boleh bertawaf selepas mandi junub.

# Perhatian Kepada Kaum Wanita Yang Uzur

Apabila seorang wanita yang berhram mengerjakan *Haji Tamattuk*, ketika sampai hari berwukuf di Arafah, masih lagi berada didalam keadaan uzurnya, maka hendaklah dia mengubah niatnya kepada *Haji Qiran*. Dalam hal ini dia akan mengerjakan apa yang dikerjakan oleh para jemaah yang lain, kecuali *Tawaf Ifadhah*, ditangguhkan hingga bersih dari haid atau nifasnya.

# Peringatan Bagi Yang Uzur (Lelaki dan Wanita)

Seandainya anda khawatir berkemungkinan jatuh sakit yang berat atau kedatangan haid (*period*) sehingga tidak dapat menyempurnakan ibadah haji atau umrah , maka anda ketika berniat menyebutkan kemungkinan (*possibility*) yang menghalang dari meneruskan haji atau umrah anda itu

# Peringatan Bagi Yang Uzur (Lelaki dan Wanita)

Seorang muhrim (*orang yang berihram*) yang berada dalam keuzuran, yang menghalangnya dari meneruskan amalannya, maka ia boleh bertahallul (*bercukur atau bergunting rambut*), untuk keluar dari ihramnya tanpa membayar dam.

# **Pendapat: Al-Marhum Al-Allamah Sheikh Omar Bin Abdullah Alkhatib**

“Jika seseorang itu tidak dapat meneruskan manasik haji atau umrahnya, maka dia dibolehkan membatalkannya ditempat itu tanpa membayar fidyah (dam).”